


# WAJIB-WAJIB HAJI

## MELONTAR DI JAMRAH KUBRA 10 ZULHIJJAH, MABIT DI MINA & MELONTAR PADA HARI-HARI TASYRIK

*Hadirku sebagai Dhuyufurrahman*
*Kembaliku dengan kemabruran*

# TALBIAH
## LAFAZ & MAKNA

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ، لَبَّيْكَ لاَ شَرِيْكَ لَك لَبَّيْكَ،

إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَ الْمُلْكَ لاَ شَرِيْكَ لَكَ



**Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu ya Allah.**

**Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu.**

**Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu.**

**Tuhan yang tiada sekutu bagi-Mu.**
**Hamba-Mu datang menyahut panggilanMu.**

**Sesungguhnya segala puji dan nikmat dan kerajaan adalah kepunyaanMu, tiada sekutu bagiMu.**

# KANDUNGAN

01 Wajib Haji 4: Melontar Jamrah Kubra

02 Wajib Haji 5: Bermabit di Mina

03 Tahallul Awal / Tahallul Thani

04 Wajib Haji 6: Melontar ketiga-tiga Jamrah

05 Nafar Awal / Nafar Thani

# PELAKSANAAN RUKUN DAN WAJIB HAJI



MINGGU 6
WAJIB-WAJIB HAJI

# CARTA ALIRAN MENGERJAKAN HAJI



**MINGGU 6**

**WAJIB-WAJIB HAJI**



# PERGERAKAN HAJI

**8 ZH HARI TARWIYAH**

## MAKKAH
Niat (R) / Miqat (W) / Ihram Haji (W)

**9 ZH HARI ARAFAH**

## ARAFAH
8/9 ZH - Tiba dan bermalam di Arafah
9 ZH - Wuquf (R) selepas gelincir matahari

**10 ZH**

## MUZDALIFAH
Sebahagian malam di sini Mabit (W) seketika atau hinggga fajar sidiq

- Jamrah Kubra (W)
- Bercukur/ Bergunting (R)
- Tahallul Awal

**10, 11, 12 & 13 ZH**

## MINA
10 ZH - Hari Nahar
11,12 &13 ZH - Mabit di Mina (W) & lontaran pada Hari-hari Tasyrik (W)

## Selepas Nafar Thani

- Sebelum balik: Tawaf Rukun(R) & Saie (R)
- Tahallul Thani

ZH - Zulhijjah
R- Rukun Haji
W - Wajib Haji

# WAJIB HAJI 4 MELONTAR JAMRAH KUBRA

## Melontar Jamrah Kubra pada 10 Zulhijjah (Hari Nahar) di Mina



- **MASUK WAKTU**
  Selepas tengah malam 10 Zulhijjah hingga sebelum terbenam matahari 13 Zulhijjah
- **WAKTU AFDHAL**
  Pada waktu Dhuha 10 Zulhijjah

Jamrah Kubra
7 Biji



# MELONTAR JAMRAH KUBRA

## LOKASI JAMRAH




Perhatian : Jarak di antara Jamrah Sughra ke Jamrah Wusta ialah 200 meter Manakala jarak antara Jamrah Wusta ke Jamrah Kubra ialah 247 meter

# MELONTAR JAMRAH KUBRA

## SYARAT-SYARAT MELONTAR JAMRAH KUBRA 10 ZULHIJJAH

- Melontar Satu Persatu
- Masuk Waktu Melontar
- Yakin Batu Lontaran Masuk Jamrah
- Melontar Dengan Batu Atau Jenis-jenisnya
- Tujuan Tidak Terpesong Selain Melontar
- Hendaklah Melontar Dengan Tangan
- Cukup Tujuh (7) Biji Dengan Yakin
- Melontar Dengan Gaya Lontar

⚠ Dilarang melontar untuk orang lain kecuali setelah melontar untuk dirinya sendiri

# TAHALLUL

## Melepaskan diri daripada larangan dalam masa ihram





# TAHALLUL

## JENIS-JENIS TAHALLUL

### TAHALLUL HAJI

#### TAHALLUL AWAL

Bebas Semua Larangan Ihram Kecuali Muqadimah Jima'; Jima'; Nikah Kahwin

#### TAHALLUL THANI

Bebas Semua Larangan Ihram

# TAHALLUL

## TIGA IBADAH TAHALLUL HAJI

1. MELONTAR JAMRAH KUBRA



2. BERGUNTING ATAU BERCUKUR



3. TAWAF DAN SAIE



# TAHALLUL

## PENGHASILAN TAHALLUL AWAL & TAHALLUL THANI




Setelah melaksanakan WUQUF dan selepas separuh malam 10 Zulhijjah

# WAJIB HAJI 5

# BERMABIT DI MINA





# BERMABIT DI MINA

## PENGERTIAN BERMALAM (MABIT DI MINA)

- Berada di bumi Mina pada malam Hari Tasyrik dalam tempoh lebih separuh waktu malam




**BERMALAM**
PADA MALAM
11, 12 & 13
ZULHIJJAH

# BERMABIT DI MINA

## PENGECUALIAN MABIT JIKA UZUR

- Takut terancam keselamatan diri atau harta
- Menjaga atau menemani orang sakit
- Mencari pekerja atau keluarga yang hilang
- Terpaksa / Dipaksa
- Petugas yang menjaga kepentingan dan kebajikan jemaah haji

# BERMABIT DI MINA

## TEMPOH BERMABIT

### DUA PENDAPAT :

1. **PENDAPAT YANG MUKTAMAD/AL-ASAH IAITU:**
   Masa berada di Mina lebih daripada jumlah masa separuh malam

2. **PENDAPAT YANG LEMAH/ MUQABIL AL-ASAH IAITU:**
   Memadai berada di Mina ketika masuk waktu Subuh (azan Subuh dilaungkan)
   ⚠ (TIDAK DIGALAKKAN HANYA BAGI KES DARURAT SAHAJA)

# BERMABIT DI MINA

## SUASANA JEMAAH HAJI DI PERKHEMAHAN MINA





# BERMABIT DI MINA

## SUASANA JEMAAH HAJI BERMALAM DI PERKHEMAHAN MINA






# WAJIB HAJI

## Melalui Terowong Muassim - Jemaah Haji Berjalan Kaki Ke Tempat Melontar





**Perhatian :**
**Jarak di antara perkhemahan di Mina Muaissim ke Jamrah (tempat melontar) ialah 3.5 Km (sehala) – Jemaah Haji perlu berjalan kaki berulang-alik 3 Hari**

MINGGU 6
WAJIB-WAJIB HAJI

# WAJIB HAJI 6

# MELONTAR KETIGA-TIGA JAMRAH PADA 11,12 & 13 ZULHIJJAH

## Syarat-syarat Melontar Jamrah

- Melontar Satu Persatu
- Masuk Waktu Melontar dan Tertib Jamrah
- Yakin Batu Lontaran Masuk Jamrah
- Melontar Dengan Batu Atau Jenis-jenisnya
- Tujuan Tidak Terpesong Selain Melontar
- Hendaklah Melontar Dengan Tangan
- Cukup Tujuh (7) Biji Dengan Yakin
- Melontar Dengan Gaya Lontar

**Dilarang melontar untuk orang lain kecuali setelah melontar untuk dirinya sendiri**

THCC +603 6207 1919 Tabung Haji Contact Centre
www.facebook.com/tabunghaji
www.twitter.com/tabung_haji
www.tabunghaji.gov.my

# MELONTAR KETIGA-TIGA JAMRAH

## WAKTU MELONTAR

**ZULHIJJAH 11**

- **WAKTU AFDHAL**
  Selepas gelincir matahari 11 Zulhijjah (Waktu Zohor)
- **WAKTU DIHARUSKAN**
  Selepas terbit fajar* 11 Zulhijjah hingga terbenam matahari 13 Zulhijjah

**ZULHIJJAH 12**

- **WAKTU AFDHAL**
  Selepas gelincir matahari 12 Zulhijjah (Waktu Zohor)
- **WAKTU DIHARUSKAN**
  Selepas terbit fajar* 12 Zulhijjah hingga terbenam matahari 13 Zulhijjah

**ZULHIJJAH 13**

- **WAKTU AFDHAL**
  Selepas gelincir matahari 13 Zulhijjah (Waktu Zohor)
- **WAKTU DIHARUSKAN**
  Selepas terbit fajar* 13 Zulhijjah hingga terbenam matahari 13 Zulhijjah

* Mengikut Imam Arrafi'ei, Al-Asnawi dan lain-lain.

# MELONTAR KETIGA-TIGA JAMRAH

## MELONTAR
### JAMRATUL SUGHRA, WUSTA & KUBRA

| ZULHIJJAH | ZULHIJJAH | ZULHIJJAH |
|---|---|---|
| 11 | 12 | 13 |
| HARI TASYRIK PERTAMA | HARI TASYRIK KEDUA | HARI TASYRIK KETIGA |



# MELONTAR KETIGA-TIGA JAMRAH



Suasana Jemaah Haji Berjalan Di Jamrah Untuk Melontar Pada Hari Tasyrik Pada Hari 11,12 Dan 13 Zulhijjah (Berpakaian Biasa setelah Tahallul Awwal)

# MELONTAR KETIGA-TIGA JAMRAH

## KAEDAH WAKIL MELONTAR

Sebelum mewakilkan orang lain untuk melontar pastikan telah dirujuk kepada Pegawai Perubatan dan Pembimbing ibadat haji

Melontar untuk diri sendiri sebelum melontar mewakili orang lain (jika menerima wakil orang untuk melontar). Perlu mendapat persetujuan dan keizinan orang yang diwakilkan terlebih dahulu

Hanya boleh diwakilkan lontaran apabila masuk waktu melontar pada hari tersebut, kecuali bagi jemaah haji sakit yang sukar untuk bersamanya, kerana berada ditempat lain. Lontaran yang diwakilkan awal sebelum masuk waktu adalah tidak sah lontaran kecuali bagi kes pesakit yang berada di tempat lain seperti diatas

Boleh mewakilkan lontaran melalui telefon/sms/'*messaging*' dengan syarat kedua-dua pihak maklum dan faham akan maksud yang dihajatkan

# NAFAR AWAL

## Nafar Awal

Meninggalkan Mina Pada 12 Zulhijjah Tanpa Mabit Dan Melontar Jamrah Bagi 13 Zulhijjah Dengan Syarat-syaratnya

## Syarat-syarat Nafar Awal

1. Telah sempurna bermalam (Mabit) di mina pada malam 11 & 12 Zulhijjah
2. Telah menyempurnakan lontaran ketiga – tiga Jamrah pada 11 & 12 Zulhijjah
3. Berqasad untuk melakukan Nafar Awal (selepas melontar Kubra tetapi sebelum melintasi sempadan Mina)
4. Meninggalkan Mina sebelum Maghrib pada 12 Zulhijjah
5. Tidak berazam untuk kembali lagi ke mina untuk bermabit

# NAFAR THANI

## Takrif Nafar Thani

**Nafar Thani terjadi apabila selesai melakukan amalan-amalan wajib di Mina pada 11, 12 dan 13 Zulhijjah dan melontar ketiga-tiga Jamrah pada 11, 12 dan 13 Zulhijjah**





**MINGGU 6**

**WAJIB-WAJIB HAJI**

# Waktu Ibadat Haji




**Sa'ie haji bagi mereka yang melaksanakan Haji Ifrad diberi dua pilihan; sama ada selepas Tawaf Qudum atau selepas Tawaf Ifadah (Haji)**

**Pertukaran hari dalam Islam bermula waktu Maghrib**


SEMOGA SEMUA BAKAL JEMAAH HAJI YANG DIKASIHI
DIBERIKAN OLEH ALLAH S.W.T
KESABARAN & KETENANGAN
SERTA DIDOAKAN MENDAPAT SEBAIK-BAIK
GANJARAN
Haji & Umrah Yang Mabrur
Hadirku sebagai Dhuyufurrahman
Kembaliku dengan kemabruran